

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 42 RABU 18 OKTOBER, 1967

1387 رابو 14 رجب

PERCHUMA

Y.T.M. Duli Pengiran Temenggong berangkat ka-London untuk tamatkan latehan tentera

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Muda Mohammad Bolkiah telah berangkat meninggalkan tanah ayer menuju ka-London pada minggu lalu untuk menamatkan latehan-nya sebagai pegawai kadet di-Maktab Tentera Di-Raja, Sandhurst.

Duli Pengiran Temenggong telah bertolak bersama Yang Teramat Mulia Pengiran

Anak Puteri Masna dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain serta suami2 mereka Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohammad Yusof, yang akan meneruskan pengajian masing2 di-Britain.

Turut mengucapkan selamat belayar kepada rombongan Di-Raja itu ialah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Pemangku Menteri Besar,

Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Yang Teramat Mulia itu yang dulu-nya di-kenali sebagai Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah telah di-anugerahkan gelaran tersebut pada 29 September, 1967 dalam satu istiadat yang di-langsungkan di-Istana Darul Hana.

Gelaran itu telah tidak di-anugerahkan sejak tahun 1885.

D.Y.M.M.

PERKENANKAN

LANTEKAN P'JAYA

KEHAKIMAN

MAHKAMAH

TINGGI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah telah memperkenalkan perlantekan Awang Art Michael McMullin sa-bagai sa-orang Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Brunei.

Awang Justice McMullin telah mengangkat sumpah dihadapan Baginda di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Upacara mengangkat sumpah itu telah di-hadhiri antara lain oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Cheteria2, serta Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof.

Awang Justice McMullin ada-lah sa-orang Hakim Rendah di-Mahkamah Tinggi Hongkong.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong sedang mengucapkan selamat tinggal kepada pegawai2 kanan Kerajaan. Di-kiri sekali kelihatan Yang Amat Berhormat, Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusof.

GULA-GULA YANG MENGANDONGI ALKOHOL

BANDAR BRUNEI. — Perimbangan peringkat tinggi sedang di-usahakan untuk mengambil tindakan yang sewajar-nya, terhadap penjualan gula-gula yang mengandungi alkohol.

Gula-gula itu yang berbungkus dalam kotak kira2 4 inci panjang-nya dan ternyata keterangan di-kertas luar-nya bahawa ia-nya mengandungi alkohol seperti brandy, whisky, rum atau, gin dan boleh dapat di-beli dari kedai2 yang menjual gula2 dan minuman2 ringan di-ibu kota sejak beberapa waktu ini.

Gula-gula itu ada-lah buatan Italy. Alkohol yang di-dapati dalam kandungan gula2 itu

Lihat muka 5

Bayaran ganti rugi atas kehilangan surat berdaftar penjelasan Ketua Pos Agong

BANDAR BRUNEI. — Ketua Pos Agong, Awang Haji Ali Khan telah menarek perhatian orang ramai yang ingin menuntut ganti rugi kerana kehilangan surat dan barang2 pengiriman berdaftar.

Awang Haji Ali Khan berkata, ada-lah menjadi dasar Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei dan lain2 pejabat pos Kesatuan Post Antara-Bangsa, untuk membayar ganti rugi kepada si-pengirim kerana kehilangan pengiriman barang2 berdaftar seperti itu.

Kata-nya ganti rugi sabanyak \$25 akan di-bayar, sa-telah terdapat bukti yang memuaskan pihak berkuasa pos, bahawa pengiriman pos yang di-terima melalui berdaftar hilang semasa dalam simpanan.

Beliau berkata, pejabatnya tidak akan membayar lebih dari \$25, walau pun jika pengiriman-nya mempunyai nilai yang lebih \$25, tetapi jika yang hilang itu berharga kurang dari \$25, maka Pejabat Pos akan membayar menurut jumlah yang kurang seperti yang di-nyatakan oleh si-pengirim.

Bagaimana pun, pejabat pos tidak akan membayar sabarang ganti rugi kerana hilang atau kerosakan kepada apa jua yang terkandung di dalam pengiriman berdaftar

yang tidak berinsuran.

Awang Haji Ali Khan berkata, jika satu2 pengiriman berdaftar di-beritakan hilang dan kemudian-nya di-jumpai, maka si-pengirim akan di-beritahu untuk mengambil balik kiriman-nya dalam tempoh tiga bulan, dengan membayar sa-mula jumlah wang ganti rugi, yang telah di-bayar kepada-nya. Selepas tiga bulan pengiriman itu tidak di-tuntut, maka nama orang yang di-alamatkan akan di-beritahu supaya mengambil pengiriman itu dengan dikenakan syarat yang sama dan jika kedua2 si-pengirim dan si-penerima enggan mengambil kiriman berdaftar itu, maka barang2 kiriman akan menjadi hak Ketua Pos Agong.

Awg. Haji Ali Khan mengingatkan orang ramai, supaya surat atau pengiriman yang berisikan note bank atau wang2 kertas yang lebih dari \$100 atau mengandungi permata intan atau batu2 permata, hendak-lah di-insurankan.

Kata-nya surat2 dan pen-

HARGA BERAS

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Setor Kerajaan telah mengumumkan satu perubahan harga penjualan beras puteh Siam sa-chara runchit, jenis AAA.

Mulai 10 Oktober, harga beras ia-lah \$2.70 sen sagan-tang di-Bandar Brunei, Tutong dan Muara, sementara di-Kuala Belait, Seria dan Temburong, harga beras sagan-tang \$2.80 sen.

giriman seperti itu tidak akan terima bagi pendaftaran, kecuali ia-nya di-insurankan.

PENDUDOK2 DAERAH TEMBURONG LAHIRKAN IKRAR TAAT SETIA

TEMBURONG. — Penghulu2, Ketua2 Kampong dan wakil raayat yang di-pilih dalam Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah mendo'akan semoga di-lanjutkan usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Suri Seri Bagawan dalam keadaan sehat wal'afiat.

Mereka juga telah melafdzakan ikrar ta'at setia yang tidak berbelah bagi kepada

Sultan yang baru, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Hassanah Bolikiah Muiz-zuddin Waddaulah.

Mereka mengambil ketetapan tersebut dalam satu majlis mashuarat tergepar yang telah di-adakan di-Kelab Temburong pada minggu lalu dan di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak.

Mereka juga meluluskan dengan sa-bulat suara satu ketetapan mengikrar ta'at setia masing2 kepada Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan dan Raja Isteri dan melahirkan perasaan dukachita yang tidak terhingga terhadap keputusan mu'tamat Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan untuk menyerahkan takhta Singgasana Kerajaan Brunei.

Ketetapan itu menyatakan, raayat Temburong yang terdiri dari berbagai kaum yang ta'at setia kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan ada-lah berasa dukachita bahawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan telah turun dari takhta Singgasana Kerajaan Brunei.

Penyelarasan sistem Imigresen kawalan kemasokan orang2 luar

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Imigresen Brunei telah mengumumkan tujuan-nya untuk mengadakan surat2 kebenaran kerja kerana mengawal imigresen sementara ka-negeri ini mulai 1 Januari tahun depan.

Sa-orang juruchakap Jabatan Imigresen berkata, langkah yang di-ura2kan itu tidak bertujuan untuk menghentikan kemasokan orang2 luar ka-negeri ini, tetapi bertujuan untuk menyelaraskan Brunei dengan sistem imigresen yang di-amalkan oleh negara2 tetangga.

Kata-nya, apabila sistem surat kebenaran kerja itu di-adakan, ia-nya, juga akan mengadakan satu sistem surat kebenaran tanggungan bagi keluarga orang2 yang memasuki Brunei kerana pekerjaan.

Mulai 15 September tahun ini, kebenaran untuk bekerja tidak akan di-berikan kepada orang2 yang datang ka-Brunei sa-bagai pelawat dari Malaysia, Singapura dan Hongkong.

Juruchakap itu berkata, sa-orang majikan yang ingin memberi pekerjaan kepada sa-orang pelawat, mesti-lah menguruskan supaya orang yang berkenaan itu pulang ka-negeri asal-nya, dan kemudian majikan tersebut boleh-lah memohon satu surat kebenaran kerja yang di-perlukan itu, sepinggalan bakal pekerja itu.

Sebarang permohonan bagi sa-orang yang berada di-luar negeri akan di-berikan pertimbangan, tetapi sa-balek-nya permohonan2 yang di-terima bagi pelawat2 yang telah pun berada di-negeri ini akan ditolak.

Kata-nya, pekerja2 luar yang sedang bekerja di-Brunei di-berikan surat2 kebenaran lawatan, dan selepas sistem surat kebenaran kerja di-adakan surat2 kebenaran lawatan itu, akan di-gantikan dengan surat2 kebenaran kerja sebaik2 sahaja tempoh-nya manshoh.

Tempoh masa sa-suatu surat kebenaran kerja ada-lah bergantung kepada permohonan yang di-kemukakan oleh pihak majikan, tetapi tidak melebihi lima tahun.

Sa-orang pekerja yang menyempurnakan pekerjaannya sa-belum tamat tempoh surat kebenaran kerja, mesti-lah di-hantar pulang ka-negeri

asal-nya oleh pihak majikan. Sa-orang pekerja juga tidak di-benarkan bekerja bagi mana2 majikan yang lain di-negeri ini, tanpa kebenaran dari Pengawal Imigresen meskipun tempoh surat kebenaran-nya untuk bekerja maseh belum berakhir.

Selepas berakhir-nya tempoh surat kebenaran kerja, sa-orang pekerja dan tanggungan-nya mesti-lah pulang ka-negeri asal-nya.

Sebarang majikan yang ingin hendak meneruskan perkhidmatan pekerja-nya itu, mesti-lah memohon surat2 kebenaran kerja yang baru semasa pekerja itu berada di-luar negeri.

PERMOHONAN MENDAPATKAN TANAH DI-TUTONG

BANDAR BRUNEI. — Pesurohjaya Tanah, Awang B. C. Cartland telah menyerahkan kepada kerajaan untuk membuat keputusan terhadap permohonan2 mendapatkan tanah bagi Daerah Tutong yang telah di-kemukakan sa-belum tahun 1955.

Awang Cartland berkata,

sa-banyak 412 permohonan telah di-serahkan dan keputusan akan di-ambil oleh Majlis Mashuarat Menteri2.

BAGI DAERAH BELAIT

Pesurohjaya itu akan juga menyerahkan permohonan2 tanah bagi Daerah Belait untuk mendapatkan keputusan.

Kata-nya sa-jumlah 514 permohonan tanah bagi Daerah Belait yang di-daftarkan akan di-serahkan kepada kerajaan.

Permohonan2 tanah bagi Daerah Brunei akan di-serahkan kepada kerajaan untuk mendapatkan keputusan dalam minggu ini.

Persediaan melawan kebakaran di-bangunan2 yang tinggi

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Bomba tidak lama lagi akan mempunyai satu alat perkakas melawan api merupakan tangga berlipat untuk di-gunakan melawan kebakaran di-bangunan2 yang tinggi dalam kawasan Bandar Brunei.

Perkakas yang boleh di-naikkan sa-tinggi 100 kaki itu akan tiba ka-negeri ini dalam bulan hadapan.

Ia-nya di-buat oleh sa-buah sharikat British dan berharga \$136,000.

Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam Soo Man berkata, semua balai2 bomba di-negeri ini akan di-perlengkap dengan alat2 perkakas melawan api yang moden.

Langkah ini di-jalankan sesuai dengan bertambahnya bangunan2 yang bertingkat2, terutama sekali di-Bandar Brunei.



Awang Lam sa-terus-nya menyatakan, Jabatan Perkhidmatan Bomba pada masa ini mempunyai sa-buah alat perkakas tangga berlipat sa-tinggi 55 kaki yang telah di-beli dari Britain dalam tahun 1963.

Tiga buah lagi chawangan Balai Bomba yang baru sedang di-bena di-negeri ini.

Kerja2 telah pun di-mulakan bagi pembenaan sa-buah Balai Bomba yang moden di-Pekan Tutong dan sa-buah lagi di-Pekan Bangar, di-Daerah Temburong.

Balai Bomba di-Muara sekarang hampir2 siap pembenaan-nya.

Gambar di-ruangan ini menunjukkan ahli2 bomba sedang berlatih menggunakan tangga berlipat sa-tinggi 55 kaki.



3 PERSATUAN PELADANG YANG BARU DI-TUBOHHAN DI-DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Peladang2 di-tiga buah kampung daerah Brunei-Muara, telah menubuhkan tiga buah persatuan peladang.

Persatuan2 bahru tersebut yang telah di-daftarkan minggu ini ia-lah bagi Kampung Kasat, Kampung Sungai Besar dan Kampung Menunggol Laut.

Ini menjadikan 65 buah persatuan peladang dengan anggota-nya kira2 3,300 orang, jumlah yang terdapat masa ini di-Brunei.

Persatuan2 peladang adalah merupakan gabungan kepada Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei, dan bertujuan untuk menggunakan chara2 pertanian moden di-kampung2 bagi menambahkan hasil pengeluaran dan memberikan faedah yang lebih baik kepada kaum peladang.

Jabatan pertanian telah pun menganjorkan kursus2 perta-

nian di-kampung2 yang mempunyai persatuan2 peladang, untuk membantu mereka mencapai matalamat itu.

Kursus2 tersebut memberikan latihan chara2 pertanian yang di-perlukan sa-chara pratikal mengenai aspek2 tertentu, seperti menanam padi dan memelihara ikan, ternak ayam, menyuburkan tanam2an dan chara mengunakan baja.

Jabatan pertanian juga memberikan bantuan kepada anggota2 persatuan peladang, dengan menyewakan alat2

traktor dan alat pembajak dengan bayaran sewa yang rendah, bagi membolehkan mereka menyediakan tanah kerana usaha berchuchok tanam dengan murah dan chepat.

Ranchangan bantuan baja yang di-adakan bahru2 ini, ada-lah juga bertujuan untuk membantu mereka, dan memberikan bakti bahawa penguasaan baja dapat memberikan faedah yang lumayan dan menguntungkan, dengan bertambahnya hasil2 tanaman itu.

PGGMB anjorkan peraduan pancharagam Melayu

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru2 Melayu akan menganjorkan satu peraduan yang terbuka kepada semua Pancharagam Melayu di-negeri ini.

Peraduan tersebut yang dinamakan Peraduan Pesta Pancharagam di-jadualkan berlangsung pada 3 November depan di-dewan bangunan Guru2.

Dalam satu kenyataan-nya Penolong Pengarah, Badan Penerangan dan Pesuratan PGGMB, Awang, M. Yusof Gumbol berkata, tiap2 pancharagam yang menyertai peraduan tersebut di-kehendaki memainkan tiga buah lagu, dua bunyi2an dan satu nyanyian oleh penyanyi pancharagam itu sendiri. Dua lagu bunyi2an itu ia-lah pop dan asli.

Menurut beliau, peraduan tersebut di-anjorkan untuk menggalakan pancharagam2 Melayu tempatan mempertingkatkan lagi mutu permainan dan nyanyian mereka. Hadiah2 berupa wang tunai dan piala — pertama \$100, kedua \$70 dan ketiga \$50 akan diberikan kepada mereka yang berjaya. Di-samping itu, 7 hadiah sagu hati juga akan disediakan.

Beliau berseru supaya pancharagam2 Melayu tempatan mengambil peluang ini dengan mengisikan b o r a n g yang tertentu dan menyertakan wang masok sa-banyak \$5.00.

Borang boleh di-dapati dari Bangunan Guru2 Melayu, Brunei. Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait (Awg. Adnan Hj. Tarif) dan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong (Awg. Musa bin Edin).

Hari terakhir menghantar borang masok ia-lah 26 Oktober.

Jabatan Ugama adakan kursus bagi muallaf2

BANDAR BRUNEI. — Saramai 25 orang muallaf dari Daerah Brunei dan Muara telah berhimpun di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu.

Perjumpaan itu ada-lah bertujuan untuk memberikan penerangan mengenai Ugama Islam kepada muallaf2 tersebut.

18 Oktober, 1967

GULA-GULA MENGANDONGI ALKOHOL

PERTIMBANGAN terakhir sedang dalam peringkat perbincangan untuk mengambil keputusan bagi mengeluarkan tindakan wajar terhadap penjualan gula-gula yang mengandungi arak atau alkohol.

Langkah mengambil tindakan segera terhadap hal ini ada-lah satu langkah yang wajar dan amat bersesuaian dengan keadaan negeri yang dalam perlembagaan-nya mengkanonkan Agama Islam ada-lah agama rasmi negara.

Ada-nya gula-gula yang mengandungi alkohol ini walaupun bentuk-nya kecil sahaja, tetapi ia-nya berkeungkinan besar pada menimbulkan satu perkara yang kurang baik lebeh lagi apa bila ia-nya nanti menimbulkan pula keruntuhan akhlak di-kalangan pemuda-pemudi atau yang lebeh ditakutkan di-kalangan kanak-kanak.

Menurut Islam, alkohol atau minuman keras baik apa rupa bentuk-nya sekali pun tanpa mengira banyak sedikit-nya ia-nya tetap merupakan satu perkara yang di-haramkan bagi umat Islam.

Sejak beberapa tahun yang lalu, kita agak merasa lega sedikit apabila di-dapati tuan-tuan punya restoran yang di-benarkan menjual minuman keras sechara runchit untuk di-minum di-tempat perniagaan mereka telah menghormati hukum Shara' ini dengan memasang iklan2 yang mengingatkan para pelanggan dari orang2 Islam supaya tidak meminum minuman2 keras dalam restoran2 mereka.

Penghormatan seperti ini ada-lah satu perkara yang bersesuaian, lebeh lagi apabila mereka benar2 mengetahui tentang peraturan2 dalam negeri yang mereka juga sa-bilangan dari anggota penduduk-nya.

Gula-gula itu di-bungkus dalam satu kotak kecil dan di-luar kotak itu amat jelas di-nyatakan dalam tulisan-nya bahawa gula-gula itu mengandungi alkohol seperti brandy, whisky, rum atau gin dan ia-nya di-katakan boleh dapat di-beli dari kedai2 yang menjual gula-gula dan minuman2 rengen di-Bandar Brunei sejak beberapa waktu ini.

Dari penjual2 gula-gula itu ada-lah penting bagi mereka pula untuk mengambil langkah seperti yang di-lakukan oleh restoran2 yang menjual minuman2 keras seperti yang di-sebutkan di-atas. Di-luar kotak gula-gula itu telah pun di-nyatakan bahawa ia-nya mengandungi jenis2 alkohol.

Kerjasama dari mereka ada-lah perlu bagi membantut dari berlaku-nya perkara yang sa-umpama itu dan mereka ada-lah amat bersesuaian mengemukakan perkara ini kepada pehak2 yang tertentu kapada pehak2 yang tertentu sa-belum ianya di-jual kapada pembeli2 yang kebanyakannya terdiri dari kanak-kanak.

Penyelidekan sosial dan demography—tiga perangkawan dari PBB tiba ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang pakar perangkawan Bangsa2 Bersatu telah tiba di-Brunei, sebagai penasihat kapada kerajaan, dalam Perancangan Penyelidekan Sosial dan Demography atau daftar mengenai masyarakat yang akan di-laksanakan oleh kerajaan.

Penyelidekan tersebut di-jadualkan di-mulakan dalam bulan Januari tahun hadapan.

Ketiga2 orang pakar itu, Awang Goldhamer, Awang K. Horstmann dan Awang S. Raja Rao, telah mengadakan mashuarat pertama-nya minggu lalu dengan Perkumpulan Penyelidekan Chontoh Sosial dan Demography.

Mashuarat itu di-pengerusikan oleh Dato J. S. Gould, penasihat ekonomi Bangsa2 Bersatu kapada Kerajaan.

BORANG-TANYA

Satu kenyataan yang di-keluarkan pada minggu lalu berkata, mashuarat tersebut telah di-tumpukan kapada mempertimbangkan ranchangan chubaa dan pengesahan ranchangan borang-tanya, yang di-kemukakan oleh Awang Horstmann.

Ia-nya juga membincangkan satu kertas kerja oleh Awang Raja Rao, mengenai masa-alah berhubung dengan berbagai bidang dari rangka chontoh itu.

Kata-nya, perbincangan lanjut akan di-adakan dengan rombongan penyelidekan chontoh sosial dan demography dan pegawai2 persaoorangan yang berkenaan, dan pakar2

tersebut kemudian-nya akan membuat chadangan terakhir mengenai pelaksanaan penyelidekan itu.

Awang Horstmann ada-lah penasihat negara daerah ECAFE mengenai perangkawan penduduk dan sosial.

Beliau pertama kali tiba di-Brunei dalam bulan Jun yang lalu dan menghabiskan masa selama seminggu setengah untuk mengumpulkan ma'lumat mengenai hasil2 yang di-harapkan di-perolehi dari penyelidekan chontoh itu.

Berdasarkan kapada ma'lumat yang di-kumpulkan, beliau telah mengemukakan satu ranchangan perchubaa dan borang-tanya mengenai tajok2 yang akan di-masokkan dalam penyelidekan itu, dan penyusunan menurut tajok yang di-sediakan.

Ranchangan yang di-shorokkan oleh beliau sudah pun di-bincangkan oleh rombongan penyelidekan chontoh sosial dan demography yang di-lantek oleh Setiausaha Kerajaan.

Sementara itu, Awang Raja Rao, sebagai penasihat negara2 daerah ECAFE mengenai perchontohan, telah me-

ngemukakan satu kertas kerja mengenai demography.

Ini juga telah di-bincangkan oleh rombongan tersebut sebelum ketibaan Awang Raja Rao.

Awang Goldhamer yang menjadi penasihat mengenai pengolahan kenyataan akan menasihati dan membantu dalam semua perkara yang menitek beratkan kapada penyusunan hasil2 penyelidekan itu.

TUJUAN

Tujuan utama penyelidekan itu ia-lah untuk membekalkan kerajaan dengan perangkawan2 sosial dan penduduk yang sesuai dengan aliran sekarang, dan meranchanakan keterangan yang penting bagi perediaan dasar2 yang sehat dan ranchangan bagi kemajuan sosial dan ekonomi.

Pertimbangan mengenai pengkajian itu telah di-mulakan tahun lalu.

Pihak kerajaan kemudian-nya telah memperolehi perkhidmatan masa pindek Awang P. S. Menon, Penasihat Bangsa2 Bersatu mengenai penyelidekan demography umum.



Daging kerbau ada-lah merupakan satu bahan makanan yang di-sukai oleh penduduk2 di-negeri ini di-samping bahan2 makanan yang lain. Gambar atas menunjukkan sa-orang penjual daging kerbau di-Pasar Bandar Brunei sedang sebok melayani pembeli2-nya.



Di-samping berbagai2 chara mata pencharian untuk penghidupan sehari2, penduduk2 di-negeri ini terdapat juga membuat pekerjaan yang beral yang telah menjadikan kebiasaan sejak muda hingga umor mereka meningkat tua. Gambar atas menunjukkan sa-orang pekerja 'mengambil batu' sedang giat melaksanakan tugas-nya.



Gambar atas menunjukkan ahli2 Persatuan Peladang Kampong Bakiau ketika mengadakan lawatan ka-Pusat Pertanian Kilanas pada hari Sabtu yang lalu.

Pemimpin2 belia Brunei penyibar seni dan budaya

BANDAR BRUNEI. — Pemimpin2 belia Negeri Brunei telah di-sifatkan sebagai penyibar2 seni dan kebudayaan negeri ini, ketika menjalani latehan2 di-seberang laut.

Sa-orang juruchapak Jabatan Kebajikan yang menganjorkan latehan itu berkata, belia2 itu tidak pernah gagal memuggalkan sa-suatu yang berupa chenderamata mengenai Brunei di-pusat latehan yang mereka telah menjalani latehan.

Juruchapak itu menyebut tentang latehan belia2 Brunei yang mereka jalani di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu, Bahru, dekat Kuala Lumpur. Kursus itu berjalan selama tiga minggu.

Pada akhir minggu ketiga, ketika mereka meninggalkan pusat itu, pada biasa-nya belia2 tersebut meninggalkan naskah2 sejarah mengenai Brunei, atau pun risalah2 mengenai seni dan kebudayaan negeri ini.

TANDA MATA

Ada kala-nya, mereka meninggalkan barang2 perusahaan tembaga yang di-buat oleh tukang2 tembaga Brunei sa-bagai tanda mata yang mereka telah menjalani kursus di-pusat itu.

Pemimpin2 belia dari negeri ini, biasa-nya di-hantar ka-pusat itu kerana mendapatkan latehan sa-chara ber-kumpulan sa-ramai empat orang. Kumpulan terakhir telah tamat dari latehan mereka dan kembali ka-tanah ayer.

Satu lagi kumpulan, di-jadualkan akan di-hantar ka-Kuala Kubu Bahru pada penghujung bulan ini, kerana menjalani latehan yang serupa.

Juruchapak itu menambahkan, latehan itu bertujuan untuk memperluaskan ilmu pengetahuan pemimpin2 belia tentang pertubuhan belia serta chara2 mentadbirkan kelab2 belia.

PEMIMPIN2 WANITA

Di-Pusat latehan itu, mereka mengambil bahagian dalam semua jenis permainan dan menghadhiri kelas2 serta cheramah2 yang ada hubongannya dengan kerja2 belia.

Juruchapak itu selanjutnya berkata, Jabatan Kebajikan Masharakat merancang hendak menghantar lebeh ramai lagi pemimpin2 wanita ka-pusat tersebut di-masa2 yang akan datang.

Pusat itu memberikan juga latehan dalam kerja2 mengenai urusan rumah tangga.

Gula2 alkohol: tindakan wajar akan di-ambil

Dari Muka 1

berada dalam sa-buah kotak yang di-isikan dengan 10 biji gula2.

Pihak2 yang berkenaan mengenai impot, melesen dan penggunaan minuman2 keras telah di-hubongi tentang perkara tersebut.

Sa-orang juruchapak di-Jabatan Hal Ehwai Agama berkata, perbincangan2 sedang berjalan tentang tindakan yang mesti di-ambil terhadap penjualan gula2 itu.

Juruchapak itu berkata, alkohol atau minuman keras dalam apa sahaja bentuk-nya dan tanpa mengira banyak atau sedikit ada-lah di-haramkan kapada orang2 Islam.

Tuan2 punya restoran yang di-benarkan menjual minuman keras sa-chara runchit untuk di-minum di-tempat perniagaan-nya ada-lah menghormati hukum Shara' ini dengan memasang iklan2 yang mengingatkan para pelanggan dari orang2 Islam supaya tidak meminum minuman2 keras dalam restoran2 mereka.

Pengaruh Pelajaran telah menyetujui bahawa gula-gula itu mengandungi minuman keras.

Kata-nya, beliau akan menerbitkan arahan2 yang sewajarnya kapada semua guru2 besar sesuai dengan apa sahaja keputusan yang akan di-ambil oleh pehak berkuasa terhadap penjualan gula-gula itu.

Pengerusi Lembaga Pelesen dan Pengawal Kastam berkata, beliau akan menghantarkan chontoh2 gula-gula itu kapada ahli kemia Kerajaan untuk di-analisisakan sa-belum memutuskan tindakan yang sewajarnya.

Pengerusi itu menambahkan, sa-lepas kandungan alkohol gula2 itu di-ketahui kelak, maka akan dapat-lah di-kenakan chukai ka-atas impot gula-gula itu, atau pun mengarahkan kapada penjual2 runchit supaya mengambil lesen untuk menjual minuman keras sa-chara runchit, atau melarang langsung impot gula-gula itu jika di-fikirkan perlu. Oleh Latif Mohd.

Gambar atas ia-lah menunjukkan satu chara berjual ikan di-Kampung Ayer. Berjual ikan chara bagini di-lakukan oleh orang2 perempuan sahaja dan mereka ada-lah di-kenali sa-bagai 'PADIAN'.

\$200,000 PERUNTOKAN UNTUK ALAT PERHUBONGAN CHEMAS TALIPON RADIO UNTUK KAMPONG2-PONDOK2 TALIPON JUGA DI-ADAKAN

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Talikom, Awang C. E.B. Parrot mengumumkan kemajuan2 yang telah tercapai dalam rancangan perhubungan2 chemas Kerajaan di-kawasan2 ulu negeri ini.

Awang Parrot berkata, sa-buah talipon radio jenis HF telah di-pasang di-Kampung Melilas di-ulu Belait, berham-piran dengan perbatasan Bru-nei dengan Sarawak.

Pesawat talipon tersebut telah pun di-uji dan terbokti berjaya.

Pesawat2 sa-rupa itu akan di-pasang di lain2 kampung yang terpenchil di-negeri ini untuk mengadakan saloran2 perhubungan dengan Bandar Brunei.

Awang Parrot berkata, ran-changan2 telah pun selesai di-adakan untuk memasang satu lagi pesawat talipon radio di-Batu Apoi dalam Daerah Temburong dalam masa em-

pat bulan yang akan datang.

Dengan pemasangan pesa-wat2 talipon radio ini, pen-duduk2 dalam kawasan2 yang terpenchil akan dapat mem-buat panggilan chemas atau pun menyampaikan utusan2 segera ka-steshen "HF" di-Bandar Brunei.

Di-bawah rancangan per-hubungan2 chemas bagi ka-wasan2 ulu, 30 buah kampung akan di-sediakan dengan pe-sawat talipon radio.

Rancangan tersebut di-tak-sirkan akan menelan belanja sa-banyak \$200,000.

Rancangan perhubungan2 chemas itu di-maksudkan un-tuk menutup keperluan2 per-hubungan yang di-perlukan segera sa-hingga keperluan2 itu dapat di-gantikan den-gan chara2 perhubungan yang lebeh lazim di-gunakan.

Menyentuh tentang ran-changan hendak mengadakan pondok2 talipon di-negeri ini, Awang Parrot berkata, bagi julong2 kali sa-buah pondok talipon untuk orang ramai akan di-adakan tidak lama lagi di-Kampung Sungai Lam-pai.

Kata-nya, lima buah lagi pondok2 talipon orang ramai sedang di-ranchangkan bagi kawasan2 terpenchil di-seki-tar Bandar Brunei.

Dua buah pondok talipon telah pun di-ranchangkan un-tok Daerah Tutong dan dua buah untuk Daerah Belait.

Awang Parrot menambah-kata, pada masa2 yang akan datang sa-tiap usaha untuk mengadakan pondok2 talipon bagi penggunaan orang ramai ada-lah bergantung kapada kejayaan rancangan pe-mandu itu.



Gambar atas menunjukkan lima orang kakitangan Jabatan Talikom sedang giat bekerja untuk mengolah saloran2 perhubungan yang di-kehendaki.

PELADANG2 BAKIAU TAMAT KURSUS

BANDAR BRUNEI. — Kur-sus pertanian selama sa-minggu bagi peladang2 di-Kampung Bakiau, telah selesai dan mereka telah melawat ka-Pusat Pertanian di-Kilanas pada hari Sabtu lepas.

Kursus itu ada-lah bertu-juan untuk melateh peladang2, chara penggunaan alat perka-kas pertanian moden, bagi menambahkan hasil dan pen-dapatan.

Selama seminggu itu, pen-sharah dan jurulatih Jabatan Pertanian telah memberikan cheramah mengenai perkara2, saperti pemeliharaan tanaman padi, penyuboran tanaman2 dan mencheгах penyakit.

Mereka juga melawat tanah2 peladang kerana menunjukkan sa-chara pratikal mengenai aspek2 tersebut dalam pertanian.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 12 Oktober, 1967 hingga ka-hari Selasa 24 Oktober, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Adat-adat Superstisi di-Bawakan, m.						Matahari		
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
18 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05	
19 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05	
20 Okt.	12-12	3-30	6-11	7-26	4-33	4-48	6-05	
21 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
22 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
23 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	
24 Okt.	12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48	6-05	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

SITUYU MINGGU INI



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/China di-Jabatan Penyiaran

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan Penterjemah Inggeris/China di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei. Hanya chalon2 yang mempunyai kelulusan Pelajaran saja di-kehendaki memohon.

KELAYAKAN2:

Chalon2 mesti-lah sa-orang China, telah lulus Senior Middle Three Chinese, dan sekurang2-nya Sijil Persekolahan Seberang Laut atau yang bersamaan.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$380 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchuban sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama. Pemohon2 yang terdiri dari raayat atau yang berhak di-daftarkan menjadi raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh per-

chubaa sa-lama 3 tahun.

BAKSIS:

Bagi chalon yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Oktober, 1967.

SA-BAGAI KERANI TINGKATAN "B"

Permohonan2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan2 sa-bagai Kerani Tingkatan 'B' di-dalam perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

GAJI:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10 — 270 x 15 — 315/ EXAM BAR/330 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN2:

Chalon2 yang di-lantek mesti lah sudah berumur 17 tahun dan telah lulus sekurang2-nya pepereksaan Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang bersamaan.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalon2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek atau sa-chara sa-bulan ka-sabulan.

BAKSIS:

Bagi chalon2 yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat daripada 30 Oktober, 1967.

Pepereksaan

Trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan Trengkas dan Menaip bagi akhir tahun 1967, yang di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, akan di-adakan pada hari Ahad 26 November, 1967, bertempat di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

Pepereksaan Trengkas akan di-mulakan jam 10.00 pagi manakala bagi pepereksaan Menaip akan di-mulakan jam 2.00 petang.

Bayaran bagi memasuki pepereksaan ada-lah saperti berikut:

Trengkas bahagian Permulaan dan Menengah sa-banyak \$10.00 manakala bahagian Tertinggi sa-banyak \$15.00.

BORANG2 MASOK

Bayaran bagi pepereksaan Menaip bahagian permulaan dan menengah sa-banyak \$10.00 dan bahagian Tertinggi sa-banyak \$15.00.

Borang2 masok pepereksaan boleh di-dapati daripada guru2 Trengkas dan Menaip atau di-Pejabat Pelajaran, Brunei (Bahagian Pelajaran Dewasa).

Hanya chalon2 yang memasuki kelas Trengkas dan Menaip sahaja akan di-terima memasuki pepereksaan tersebut.

Borang2 masok pepereksaan hendak-lah sampai ka-Pejabat Pelajaran pada atau sa-belum 31 Oktober, 1967.

GUNAKAN-LAH BAHASA MELAYU

Peraduan mengarang sajak dan renchana Sambutan Nuzul Al-Koran

BANDAR BRUNEI. — Peraduan Sajak dan Renchana bagi Sambutan Nuzul Al-Koran 1400 tahun akan di-adakan pada 19 Disember, 1967.

Semua penuntut dan murid2 dari sekolah2 di-negeri Brunei ada-lah di-pelawa untuk memasuki peraduan tersebut.

Peraduan2 tersebut ada-lah di-bahagikan kepada dua peringkat ia-itu bahagian murid2 Sekolah Rendah dan satu bahagian lagi Penuntut2 Sekolah Menengah.

Sharat2 peraduan ada-lah saperti di-nyatakan di-bawah ini:—

1. THEMA:

Sa-tiap Sajak dan Renchana hendak-lah berthe m a k a n N U Z U L A L - K O R A N . Thema yang terkeluar dari yang di-maksudkan tidak akan di-terima oleh Jawatan Kuasa bahagian ini.

2. PERKATA'AN:—

SAJAK: Saperti Sajak biasa.

RENCANA: 1,000 perkataan untuk murid2 Sekolah Rendah.

1,500 perkataan untuk Penuntut2 Sekolah Menengah.

Sa-tiap Karangan, baik Sajak mahu pun Renchana, hendak-lah merupakan usaha sendiri, (Tulin) bukan sa-bagai chedokan atau tiruan dari karya orang lain.

Jika di-dapati tidak akan di-terima.

3. TULISAN:

Sa-banyak EMPAT salinan hendak-lah di-tulis dalam Bahasa Melayu tulisan RUMI sa-chara bertaip dengan memakai sa-muka kertas pada tiap2 keping tulisan yang bertaip.

4. NAMA:

Sa-tiap penulis tidak di-benarkan menulis namanya dalam kertas Sajak atau Renchana itu. Nama hendak-lah di-buat berasingan (pada kertas lain) dengan menulis alamat yang penoh dan menyatakan Bahagian Sekolah2 Rendah atau Menengah, Nama Semaran tidak di-kehendaki.

5. HAK.

Semua karangan2 yang di-hantar baik yang berjaya atau tidak, ada-lah menjadi

hak kepada badan Peraduan Sajak dan Renchana N U Z U L A L - K O R A N , Karangan yang di-kirim tidak sampai dengan sa-suatu sebab atau kechuaian pengirim-nya, bukan-lah menjadi tanggung jawab badan ini.

6. Karangan2 dalam Peraduan ini hanya akan di-terima sa-hingga tarikh 1 November, 1967. Karangan2 yang di-hantar lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layani.

7. MENGIRIM:—

Hendak-lah di-kirim sa-chara B E R D A F T A R kepada:—

Awang Md. Hashim bin Haji Tahir, Pengerusi Peraduan Sajak dan Renchana, Nuzul Al-Koran 1400 Tahun, d/a. Jabatan Pelajaran Brunei.

15 ahli bomba yang baru tamat latehan mereka di-ingatkan supaya berkhidmat dgn. memuaskan

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam Soo Man telah menyeru semua anggota pasukan bomba supaya bersiap sedia pada sa-tiap waktu untuk melaksanakan kewajipan mereka.

Beliau membuat seruan tersebut ketika berucap kepada anggota2 bomba di-satu upacara tamat latehan anggota2 baru di-Balai Bomba, Bandar Brunei pada minggu lalu.

Terdahulu sa-belum itu, beliau telah memeriksa perbarisan tamat latehan yang terdiri 15 orang rekrut, termasuk Awang Abu Sahat bin Sheikh Othman yang baru saja di-lantek menjadi Pembantu Pegawai Stesen dan sa-orang ahli pasukan bomba lapangan terbang.

Kata-nya, sa-saorang anggota bomba di-lateh untuk memikul segala rupa tanggung jawab, tetapi yang paling penting ia-lah melawan kebakaran dan melindungi nyawa serta harta benda orang ramai.

Beliau menggesa mereka supaya sentiasa mengingati tanggung2 jawab-nya dari aspek2 tersebut ketika menjalankan tugas, sa-lain dari menasihati anggota2 baru itu, supaya menambahkan pengetahuan untuk memperbaiki kedudukan mereka dalam per-

Sepak raga: PERKASA johan

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan sepak raga jaring antara daerah Brunei Muara telah di-tamatkan pada hari Sabtu dengan PERKASA 'A' muncul sa-bagai johan dengan mengalahkan Sumbiling 'A' 15-16, 18-14 bertempat di-gelanggang Maktab SOAS, Bandar Brunei.

Dalam perlawanan sepak raga bulatan, walau bagaimana pun, Sumbiling telah membuktikan kehandalan-nya ka-atas PERKASA dengan berjaya mendapatkan 274 mata lawan 181 mata oleh PERKASA.

Dalam perlawanan league, PERKASA 'A' telah juga muncul sa-bagai johan di-kalangan pasukan2 dalam kumpulan 'A'.

Dalam kumpulan 'B', johan pasukan ia-lah KUBU 'B'.

Perlawanan tersebut di-anjurkan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei dan merupakan perlawanan ka-enam yang di-ke-lolakan bagi pasukan di-daerah itu.

ia-nya di-mulakan pada awal bulan September. Lima belas dari 33 pasukan yang memasoki perlawanan di-tempatkan dalam kumpulan 'A' dan baki-nya dalam kumpulan 'B'.

Perlawanan yang di-rasmikan pembukaan-nya oleh Yang Di-Pertua Persekutuan Guru2 Melayu Brunei Awang Suni bin Haji Idris telah di-tamatkan dengan majlis menyampaikan hadiah2 oleh Awang Sidek bin Yahya dari Perkhidmatan Pertadbiran Kerajaan.

khidmatan bomba.

Awang Lam Soo Man kemudian-nya menyampaikan sijil2 tamat latehan kepada anggota2 baru itu. Awangku Bakar bin Pengiran Hitam telah di-pilih sa-bagai rekrut terbaik dan di-berikan hadiah satu chendera mata.

Buat menutup upacara tersebut, satu pertunjukan chara2 melawan api telah di-pertunjukkan oleh anggota2 baru itu.

Gambar bawah: Awangku Bakar bin Pengiran Hitam sedang menerima hadiah piala atas kejayaannya sa-bagai rekrut yang terbaik dari Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam Soo Man.



Pengawal Perkhidmatan Bomba, Awang Lam Soo Man sedang memeriksa perbarisan tamat latehan anggota2 baru Pasukan Bomba Brunei.

Daftar2 pengundi boleh di-pereksa di-Pejabat Daerah

BANDAR BRUNEI.—Suroh-anjaya Pilehan Raya telah mengubah Daftar2 Pengundi Negeri Brunei di-bawah syarat2 Peratoran Pilehan Raya (Pendaftaran Pengundi).

Daftar2 Pengundi sekarang ini boleh di-pereksa di-beberapa buah Pejabat Daerah selama 21 hari sa-hingga 5 Nov., 1967.

Sa-panjang masa Daftar2 Pengundi itu di-buka untuk di-pereksa, sa-barang orang boleh membuat bantahan terhadap mana2 aspek Daftar2

Pengundi yang di-fikirkan-nya tidak betul.

Sa-lepas 5 November, daftar2 pengundi yang baru itu akan di-siarkan dalam Warta Kerajaan.

Penyelia Pilehan Raya, Awg. Matnoor MacAfee berkata, kerja2 untuk mengubah daftar2 pengundi itu telah di-jalankan selama sa-bulan sa-hingga 12 Ogos yang lalu.

Kata-nya, kerana tujuan2 pilehan raya, negeri ini di-bahagikan kepada beberapa kawasan pilehan raya menurut sa-suatu daerah.

Brunei/Muara mempunyai 78 kawasan pilehan raya, Tutong 27 Belait 24 dan Temburong 12.

Daftar2 Pengundi yang telah di-ubah dan meliputi hingga dan termasuk 12 Ogos, 1967 telah di-bahagikan kepada tiga senarai untuk kemudahan.

Senarai pertama mengandungi nama2 pengundi yang ada pada masa ini senarai kedua mengandungi nama2 yang layak mengundi yang telah memohon untuk di-daftarkan sa-bagai pengundi, dan senarai ketiga mengandungi nama2 pengundi yang telah meninggal dunia atau pun mereka yang terbukti tidak layak sa-bagai pengundi atau pun pengundi2 yang telah menukar alamat masing2.